

# Usul sedarkan Melayu perlu diketengah

**P**ERHIMPUNAN Agung Umno tiba lagi buat sekian kalinya. Bagi Pergerakan Pemuda parti, inilah masa terbaik buat mereka membuktikan taat setia dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pemimpin dan kerajaan yang memerintah. Peluang berucap yang diberikan untuk membahaskan usul seterusnya mengutarakan pandangan dan idea patut digunakan semaksimum mungkin.

Pemuda harus faham dan menyematkan di dalam ingatan masing-masing bahawa perhimpunan ini bukanlah setakat berkumpul beramai-ramai untuk mendengar celoteh pembahas diikuti tepuk sorak dan hilai tawa menggamatkan suasana.

Malah, lebih daripada itu, perlu disedari bahawa apa saja idea yang akan diutarakan nanti diambil kira sebagai panduan dalam merangka dasar pembangunan negara pada masa hadapan.

Jaminan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bahawa pemuda bukan setakat bersuara tetapi menjadi penterjemah kepada hasrat dan agenda pelaksanaan pembangunan negara, wajar menjadi panduan setiap pembahas yang diberikan peluang berucap pada perhimpunan kali ini.

Hasrat ini timbul daripada kesedaran betapa kepemimpinan Pemuda hari ini yang bakal mencorakkan bentuk kepemimpinan negara pada masa akan datang.

Ketua Pemuda menyatakan hasratnya agar ahli mesti melihat dalam diri sendiri supaya sama-sama memainkan peranan melaksanakan agenda besar untuk tanah air dan bangsa. Ironinya, pati ucapan perwakilan Pemuda daripada setiap negeri nanti akan mencerminkan sejauh mana mesej itu dapat dihayati.

Suka atau tidak, kandungan perbincangan itu nanti akan dinilai sejauh mana Pemuda bersedia menyahut cabaran ini sehingga peringkat akar umbi.

Justeru, peluang yang diberikan nanti hendaklah digunakan untuk membahaskan persoalan yang besar dan serius.

Dalam aspek ekonomi misalnya, Pemuda mesti menginsafi bahawa bang-

sa Melayu masih jauh ketinggalan berbanding bangsa lain di negara sendiri. Meminjam data daripada Kajian Yayasan Strategik Sosial(2004), hanya 13 peratus Bumiputera Melayu layak dikategorikan berada dalam kelompok teratas berbanding Cina (34 peratus) dan India (20 peratus) mengikut klasifikasi sosial.

Peratusan ini hendaklah dipertingkatkan dan tidak boleh berasa selesa. Ia ditambah lagi dengan adanya pendapat mengatakan penguasaan ekuiti Bumiputera meningkat menjadi 40 peratus akan lebih melekakan orang Melayu yang menyangka mereka berada dalam zon selesa.

Dalam hal ini, Pemuda patut melontarkan suara disusuli idea bagaimana peranan dapat dimainkan bagi meningkatkan penguasaan Bumiputera. Tidak ada gunanya mempunyai ramai anggota Pemuda yang memegang lesen kelas F, tetapi di penghujung hari, mereka hanya menikmati dua atau tiga peratus keuntungan sesuatu projek yang dilaksanakan akibat mengalibabakan kerja yang dianugerahkan kepada mereka.

Kesempatan ini harus diambil untuk menyedarkan golongan seperti ini betapa orang Melayu khususnya golongan muda tidak dapat menjadi bangsa yang berdaya saing jika tidak mempunyai kekuatan dalaman dan terlalu bergantung kepada bangsa lain untuk survival sendiri.

Penguasaan bahasa Inggeris wajib di kalangan orang Melayu jika mereka ingin maju setaraf bangsa lain. Adalah menjadi tanggungjawab Pemuda menyedarkan orang Melayu agar jangan cepat berputus asa sekiranya mahu berjaya. Penguasaan bahasa Inggeris akan menambahkan lagi mutu graduan Melayu supaya dapat bersaing dengan bangsa lain.

Pada era ini, Pemuda patut menjadi golongan muda yang berfikiran dewasa. Atau dengan kata lain, setiap tutur kata dan tindakan Pemuda mesti mencerminkan bahawa mereka boleh diharapkan untuk mewarisi kepemimpinan negara pada masa hadapan.

**MOHD ISKANDAR JAAFAR,**  
*Pemuda Umno Setiu, Terengganu.*